

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JMG 314 – Geomorfologi**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jika perlu, sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.


Tiap-tiap soalan menyumbangkan 25 markah.

...2/-

- 2 -

1. “Proses geomorfik meninggalkan kesan yang jelas perbezaannya ke atas bentuk muka bumi dengan membentuk kumpulan pencirian bentuk muka bumi yang tersendiri”. Bincangkan. (25 markah)
  
2. Sebuah cerun potongan di kawasan beriklim Tropika Lembab mempunyai ciri-ciri berikut:
  - (a) sudut cerun  $25^\circ$
  - (b) ketinggian 20 meter
  - (c) tanah sisa (residual soil) dengan batuan induknya ialah granit.

Pada pendapat anda, dalam jangka masa 15 tahun yang akan datang adakah cerun tersebut masih stabil atau tidak dan kenapa? (25 markah)
  
3. Bincangkan bagaimana seorang ahli geomorfologi boleh mentafsirkan sejarah pembentukan muka bumi di sesuatu kawasan dengan berdasarkan jenis dan struktur batuan yang terdapat di kawasan tersebut. (25 markah)
  
4. Rajah 1 di bawah menunjukkan ketumpatan saliran di sebuah daerah. Bincangkan faktor-faktor yang mengawal ketumpatan saliran di kawasan tersebut. (25 markah)



Rajah 1: Ketumpatan Saliran

5. “Sebahagian besar daripada bentuk muka bumi di pinggir laut adalah disebabkan oleh hakisan ombak”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?  
(25 markah)
6. Dengan berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh manusia untuk mengurus sungai bagi mengelakkan kejadian banjir di negara ini.  
(25 markah)

- 000 O 000 -